



[Experts](#)

Runtuhnya Moral, Lesunya Kuasa

12 December 2025

Dalam sebuah masyarakat yang selama ratusan tahun dibina atas asas akidah, maruah, dan hukum yang tersusun rapi, kita kini berdepan satu fenomena yang semakin menyesak dada dengan runtuhnya moral dan lesunya kuasa. Negara mempunyai rangka undang-undang sivil yang tebal jilidnya, dan syariah pula punya peruntukan yang molek sifatnya, namun realiti di lapangan sering sahaja memperlihatkan betapa kedua-duanya seperti dua helai sayap yang tidak bergerak serentak.

Ketika sehelai sayap cuba terbang memelihara kehormatan masyarakat, sehelai lagi seperti disandarkan pada urat yang longgar. Akhirnya yang rugi ialah umat sendiri, khususnya apabila kesalahan yang jelas bertentangan dengan syariat seperti perbuatan songsang dan penzinaan seakan-akan sukar dihukum kerana beban pembuktian yang tidak selari antara sistem sivil dan sistem syariah.

Dalam Akta Kanun Keseksaan Sivil, banyak kesalahan hanya boleh diteruskan jika wujud pengadu atau mangsa yang tampil memberikan keterangan. Pada masa yang sama, undang-undang syariah menetapkan liwat, zina dan hubungan sejenis sebagai jenayah hudud atau takzir yang tidak mensyaratkan 'mangsa' untuk membuktikan mudarat, tetapi mensyaratkan saksi dan pembuktian yang ketat berdasarkan garis panduan fuqaha. Di sinilah letaknya simpang serong undang-undang: sivil menuntut mangsa, syariah menuntut bukti, sedangkan pelaku pula bijak mencari ruang lompang antara kedua-duanya. Bila pelaku menafikan, sivil tidak dapat bergerak; bila tiada empat saksi, syariah tidak dapat menghukum. Maka masyarakat pun melihat undang-undang seperti perahu yang bocor, terapung tetapi tidak ke mana.

Keadaan ini bukan sahaja menggoyahkan wibawa hukum, tetapi menghakis benteng moral umat. Perkara ini tidak boleh dipandang enteng, kerana Allah SWT telah memperingatkan dalam Surah al-Ma'idah bahawa hukuman dalam syariah adalah untuk 'menghalang dan mendidik' agar maksiat tidak merebak. Nabi SAW pula menekankan dalam hadis sahih, "Apabila kamu melihat kemungkaran, cegahlah dengan tangan..." menandakan tindakan tegas adalah sebahagian daripada iman. Namun, tindakan tidak akan pernah tegas apabila undang-undang saling bertindihan, dan penguat kuasa pula terikat tangan oleh syarat yang tidak senada.

Maka, penyelesaiannya bukan sekadar memperketatkan hukuman, tetapi mengharmonikan undang-undang agar tidak bercanggah di tengah jalan. Negeri perlu diberikan kuasa yang lebih jelas untuk menggubal kesalahan syariah yang melibatkan perbuatan liwat, hubungan sejenis, dan kerosakan moral lain yang pada hakikatnya mengancam kestabilan sosial. Jika sivil tidak dapat bertindak kerana tiada mangsa, biarkan syariah berperanan bagi pihak masyarakat kerana kerosakan akhlak adalah mudarat umum dan ia tidak memerlukan seorang mangsa untuk mengesahkan luka. Sudah tiba masanya untuk kita berani menerima hakikat bahawa model undang-undang dualisme Malaysia perlu diperbetulkan pada titik-titik yang paling kritikal, bukan lagi dibiarkan terapung dalam debat yang tidak kesampaian.

Penyelesaian tidak terhenti pada legislatif sahaja. Dalam tradisi Islam, pembinaan moral tidak pernah dicapai melalui hukuman semata-mata, tetapi melalui pendidikan hati. Al-Quran berkali-kali menegaskan bahawa punca kerosakan ialah apabila manusia mengikuti hawa nafsu melebihi wahyu. Hadis sahih pula menggambarkan bahawa Nabi SAW menegur dengan penuh hikmah, mendidik dengan cinta, dan menghukum hanya apabila perlu menjaga maslahat umum. Maka, rencana

pembaikan negara haruslah merangkumi tiga lapis cara dengan mendidik, mencegah dan menghukum. Tanpa pendidikan akhlak yang bertunjangkan tauhid, hukum sehebat mana pun akan ditebuk manusia. Tanpa pencegahan yang teliti, perbuatannya tetap berulang walaupun hukuman ada. Dan tanpa hukuman, pendidikan akan hilang taringnya.

Kerajaan perlu memperkasakan institusi masjid, sekolah dan universiti dengan modul pendidikan seksual Islam berasaskan al-Quran dan hadis sahih, bukan sekadar penerangan anatomi atau ceramah bahaya. Perlu ada program pemulihan akhlak bagi kelompok yang sudah terjebak, dibimbing oleh pakar psiko-spiritual yang memahami tabiat hawa nafsu dan cara merawatnya. Akta sivil pula harus diperhalusi agar tidak bercanggah dengan enakmen syariah, khususnya dalam isu-isu yang menyentuh identiti moral negara. Jika tidak dapat ditukar seluruhnya, digubal sekurang-kurangnya ruang 'pengecualian moral' yang membolehkan syariah berfungsi ketika sivil menemui jalan buntu.

Penguat kuasa juga perlu diberi latihan yang lebih sofistikated tentang standard pembuktian syariah, termasuk penggunaan qarinah (*evidential clues*) dalam kes takzir yang dibenarkan oleh fuqaha. Tidak semua kes syariah memerlukan empat saksi seperti hudud zina. Bagi perbuatan liwat, *lesbianisme*, atau khalwat, syariah membenarkan takzir berdasarkan bukti keadaan, rakaman, atau pengakuan. Namun, ini hanya dapat berjalan jika pegawai syariah diberi latihan bersepadu dan undang-undang syariah negeri diperbaharui mengikut keperluan semasa tanpa menyalahi maqasid syariah.

Akhirnya, masyarakat sendiri mesti memainkan peranan. Dalam hadis riwayat Muslim, Nabi SAW menyebut bahawa umat ini ibarat satu jasad, apabila satu anggota sakit, seluruh anggota berasa perih. Maka, kerosakan moral bukan isu individu, tetapi penyakit masyarakat. Masyarakat perlu memandang serius maksiat tersembunyi yang kini berubah menjadi maksiat terang-terangan. Media sosial tidak patut dijadikan pentas meremehkan perintah Allah atau mempersenda hukum syariah. Kita mesti mendidik, menegur dan mencegah dalam ruang lingkup hikmah, bukan mengejek atau membakar. Dakwah yang lembut dapat melembutkan hati, manakala teguran yang hikmah menguatkan tekad perubahan.

Seandainya undang-undang sivil dan syariah dapat dibetulkan, pendidikan akhlak dapat diperkuat, dan masyarakat kembali kepada asas iman, maka runtuhnya moral dapat ditegakkan semula, dan kuasa yang lesu dapat kembali gagah. Tidak ada penyelesaian yang lebih sempurna daripada apa yang telah ditunjukkan oleh al-Quran dan sunnah iaitu keadilan, ketegasan, kasih sayang dan hikmah berjalan seiring. Jika kita mampu menyatukan keempat-empatnya, maka insya-Allah bumi ini kembali tenteram, dan manusia kembali mengenal harga diri sebagai hamba Tuhan. Saat itu, moral kembali tegak, dan kuasa tidak lagi lesu.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni

E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 83 views

[View PDF](#)